

# Menanti maut di Indonesia

Sekurang-kurangnya tiga rakyat Malaysia ditahan setiap minggu kerana cuba seludup dadah

Metro 4/8/12 MS 71

>>Oleh Mohd Jamilul Anbia  
Md Denin dan Wan Asrudi  
Wan Hasan

am@hmetro.com.my

POH: Perangkaan menunjukkan beratus-ratus rakyat Malaysia meringkuk di penjara Indonesia termasuk ada antaranya menanti hukuman gantung sampai mati atas jenayah menyeludup dadah syabu ke negara itu.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Datuk Noor Rashid Ibrahim berkata, jumlah tangkapan 'keldai dadah' warga Malaysia yang kian bertambah dianggap serius kerana ia menunjukkan ramai rakyat negara ini mudah diperalatkan sindiket pengedaran dadah antarabangsa untuk menjadi 'keldai dadah'.

Menurutnya, statistik menunjukkan sekurang-kurangnya tiga 'keldai dadah' dari negara ini dicekup di republik itu setiap minggu.

"Aktiviti penyeludupan dadah ke negara jiran itu dikesan semakin berkembang


sejak kebelakangan ini kerana terdapat kemudahan perkhidmatan penerbangan tambang murah di antara kedua-dua negara.

"Kita mendapat maklumat daripada Biro Narkotik Indonesia terdapat sekurang-kurangnya tiga hingga empat rakyat Malaysia dilaporkan ditahan di negara jiran itu kerana kesalahan menyeludup dadah setiap minggu," katanya.

Rashid percaya dadah syabu berjaya membolosi pemeriksaan ketat di lapangan terbang negara ini apabila sindiket menggunakan beberapa taktik untuk membawa dadah keluar.

"Ada kemungkinan pendera terlepas dan ditangkap di negara jiran itu berjaya memboloskan diri kerana membuat pemeriksaan masuk di lapangan terbang pada saat-saat akhir sebelum pesawat berlepas," katanya.

Menurut Noor Rashid, memang ada 'keldai dadah' menggunakan taktik membuat pemeriksaan pada sa-



**HUKUM....**Liong dijatuhkan hukuman mati oleh hakim Lampung, Indonesia kerana menyeludup syabu seberat 45 kilogram.

at-saat akhir sebelum menaiki pesawat untuk mengelak dikesan membawa dadah kerana pihak berkuasa biasanya tidak membuat pemeriksaan secara menyeluruh terhadap mereka bagi mengelak terlepas penerbangan.

Melihat kes tangkapan rakyat Malaysia yang semakin serius itu, beliau berkata, pihaknya akan mengadakan mesyuarat

khas dengan Biro Narkotik Indonesia dalam tempoh terdekat ini bagi membincangkan isu berkenaan.

Katanya, mesyuarat dalam tempoh terdekat itu diharapkan menangani masalah pengedaran dadah membatik kedua-dua negara.

"Semakin banyak sindiket dadah antarabangsa termasuk Malaysia memilih Indo-

nesia untuk memasarkan produk mereka kerana ia mendapat pasaran yang luas, di samping berasa selamat kerana penguatkuasaan tidak ketat seperti negara ini.

"Sindiket juga mampu mengaut keuntungan tinggi kerana harga dadah yang jauh lebih mahal. Sebagai contoh sekilogram syabu berharga RM250,000 di Malaysia, bo-

leh mencecah harga empat kali ganda atau RM1 juta di Indonesia," ujarnya.

Dalam kes terbaru warga Malaysia, Liong Kim Ping, 45, dijatuhi hukuman mati oleh hakim Pengadilan Negeri Lampung, Indonesia selepas didapati menyeludup syabu seberat 45 kilogram ke Lampung, Indonesia.

Suspek sebelum ini dikejar polis republik berkenaan ketika membawa dadah bernilai lebih RM3 juta itu menaiki motosikal pada 3 Julai lalu.

Dalam satu lagi kes berasingan, seorang lelaki warga Malaysia, Hew Kok Seong, 39, dijatuhkan hukuman penjara 15 tahun oleh Jaks Penuntut Umum (JPU) Denpasar, Bali, Indonesia selepas didapati bersalah menyeludup syabu seberat 169 gram.

Suspek berasal dari Selangor itu cuba menyeludup dadah berkenaan dengan menaiki pesawat penerbangan tambang murah ke Lapangan Terbang Antarabangsa Ngorah Rai pada 19 Mac lalu.